

Komitmen Guru-Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Negeri Johor

Mohamad Najib Bin Abdul Ghafar & Jamaliah Bt Jalaludin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan mengkaji kaitan antara tahap komitmen guru-guru dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran pengurusan dalam menguruskan aktiviti kokurikulum di Sekolah-Sekolah Rendah Negeri Johor. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 402 orang guru yang menjadi guru pembimbing kegiatan kokurikulum di 17 buah sekolah rendah di negeri Johor. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan tahap komitmen bagi responden adalah tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap pengetahuan responden dalam pengurusan kokurikulum berada pada tahap sederhana. Manakala dari aspek kemahiran pengurusan tahap responden adalah tinggi. Dari dapatan kajian juga, terdapat perkaitan antara komitmen responden dengan kemahiran melaksana pengurusan kokurikulum.

Abstract : The purpose of this research is to study the relationship between co-curriculum commitment by the teachers in primary schools in Johor and the level of knowledge and management skills. A total of 402 co-curriculum adviser teachers from 17 schools in Johor have been chosen to participate in this research. The compiled data was analyzed using the Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) computer software. In conclusion, the result showed that the commitment levels in managing cocurriculum activities skill aspect was high. The result also showed that the level of cocurriculum knowledge among the respondents was moderate. The level of planning, guiding, accomplishing and assessment skill in the majority of the respondents was high compared to the level of co-curriculum knowledge. From the analyzed data it shows there was correlation between commitment and accomplishing skills in managing co-curriculum activities.

Katakunci : komitmen guru, pengurusan kokurikulum

Pengenalan

Kegiatan kokurikulum meliputi semua kegiatan di luar bilik darjah dan lanjutan daripada kurikulum yang diajar di bilik darjah. Menurut Kerr (1971) kokurikulum adalah satu aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh sesuatu institusi pendidikan untuk mencapai sesuatu tujuan. Aktiviti ini merupakan satu pengalaman yang dilakukan secara perseorangan atau berkumpulan di dalam atau di luar bilik darjah. Konsep kegiatan kokurikulum adalah merupakan satu pengajaran yang praktik, mengajar pelajar apa yang tidak dapat diajar di dalam bilik darjah. Kegiatan ini menurut Arasoo (1995) bertujuan menyumbang kepada perkembangan kurikulum sekolah yang menyeluruh dan sempurna. Kegagalan pihak sekolah menjalankan kegiatan kokurikulum boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau keduanya sekali (Akta Pendidikan 1996)

Kokurikulum di sekolah merupakan aktiviti yang bertujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasan '*esprit de corps*', iaitu perasaan kekitaan diantara murid-murid berbilang

kaum. Di samping itu, ia juga melatih murid-murid bersikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari serta berkemahiran dalam sesuatu bidang yang mereka sertai.

Penyataan Masalah

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik kerana ingin mengenalpasti tahap komitmen, pengetahuan, dan kemahiran guru dalam merancang, mengelola, membimbing dan menilai kegiatan kokurikulum.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk tujuan

1. Menenalpasti tahap kemahiran (merancang, membimbing, melaksana dan menilai).
2. Menentukan kaitan diantara komitmen guru dengan kemahiran merancang, membimbing, melaksana dan membuat penilaian.

Kepentingan Kajian

Pengurusan kokurikulum di sekolah merupakan satu proses yang amat penting bagi mencapai matlamat dan tujuan kokurikulum. Dalam kajian ini, penyelidik akan meninjau kemahiran dan pengalaman yang sedia ada disamping pengetahuan guru-guru di sekolah rendah dari aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian kegiatan kokurikulum. Oleh itu dengan kajian ini dapatlah dilihat kemahiran dalam pengurusan kokurikulum di dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Jika tahap kemahiran ditahap yang rendah, maka langkah-langkah adalah perlu diambil untuk meningkatkan pengurusan kokurikulum ini.

Kepentingan Kokurikulum dalam pelaksanaan meritokrasi pelajar memperuntukkan 10 peratus markah dalam penglibatan kokurikulum sebagai prasyarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam disamping 90 peratus pencapaian akademik.

Kepentingan kepada guru sekolah : Kajian ini membolehkan guru-guru mengenalpasti tahap komitmen, pengetahuan dan kemahiran dalam merancang, melaksana, membimbing dan menilai pelajar dalam mengurus aktiviti kokurikulum. Kajian ini juga mengenalpasti kelemahan dan kelebihan mereka semasa merancang, melaksana dan membimbing pelajar-pelajar dalam kegiatan ini. Melalui kajian ini, guru-guru di sekolah akan lebih memahami tugas-tugas yang perlu dijalankan dalam pengurusan kokurikulum.

Kepentingan kepada pihak sekolah : Hasil kajian ini dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti tahap komitmen, pengetahuan dan kemahiran, guru-guru dalam pengurusan aktiviti kokurikulum. Selain ini, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan bagi sekolah supaya kegiatan kokurikulum boleh dilaksanakan dengan lebih dinamik dan berkesan.

Kepentingan Kokurikulum

Tahap pendidikan di Malaysia telah mencapai kematangannya sebagai alat untuk memenuhi hasrat negara. Tumpuan yang lebih harus diberikan adalah kepada bidang kokurikulum bagi memantapkan lagi sistem pendidikan di negara ini (Abdullah, 1985). Ini sejajar dengan pendapat yang mengatakan bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum boleh meningkatkan lagi proses pendidikan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Azizah Nordin (1990) terhadap 80 orang guru kokurikulum daripada tiga buah sekolah menengah di Daerah Gombak mendapati bahawa kepentingan aktiviti kokurikulum adalah mengikut urutan berikut:

- i. Boleh memupuk semangat kerjasama, muhibah dan tolenrasi dikalangan pelajar.

- ii. Dapat mencungkil dan mengembangkan bakat dan minat pelajar dalam lapangan yang mereka sukai.
- iii. Melatih pelajar membuat kerja secara berpasukan dan bekerjasama , dengan ini dapat menyediakan pelajar cara hidup bermasyarakat.
- iv. Pelajar belajar secara tidak formal, bergaul dan beinteraksi dalam masyarakat.
- v. Boleh membina dan memperkembangkan daya kreatif murid.
- vi. Melahirkan pelajar-pelajar yang cerdas dalam bidang pelajaran, cergas dalam sukan dan persatuan.
- vii. Mendedahkan kepada pelajar pengalaman pentadbiran sesebuah persatuan dan kelab, memupuk sifat kepimpinan dikalangan pelajar dan melatih pelajar menjalankan tugas-tugas dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan baik.
- viii. Aktiviti kokurikulum boleh mendisiplinkan pelajar berdasarkan peraturan-peraturan permainan dan persatuan yang perlu dipatuhi.

Permasalahan Dalam Tugas Dan Peranan Kokurikulum

Tugas sebagai guru daripada guru besar atau pengetua hingga ke guru-guru sememangnya mencabar. Ini ternyata dengan kenyataan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr.Mahathir Mohamad (Berita Minggu, 16 Mac 1997) meminta semua guru menjalankan peranan yang menyeluruh terhadap tugas mereka di sekolah termasuk membangunkan sahsiah pelajar dan melibatkan aktiviti di dalam kokurikulum yang semakin kurang diberikan tumpuan sekarang.

Sekolah-sekolah di Malaysia merupakan tempat bagi pelajar-pelajar menimba ilmu pengetahuan melalui sistem pendidikan yang terancang. Bagi memperlengkapkan lagi sistem pendidikan, pelajar-pelajar juga diwajibkan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang antara matlamatnya membolehkan pelajar mempraktikkan amalan teori di bilik darjah ke luar bilik darjah. Dengan ini proses pembelajaran, pelajar akan lebih sempurna dan bermakna.

Peranan dan tanggungjawab utama sekolah bukan hanya semata-mata kepada menyampaikan ilmu pengetahuan dan memupuk kemahiran-kemahiran tertentu, tetapi juga melahirkan pelajar yang dapat memberi sumbangan ke arah hidup yang harmonis, bersatu padu, bertoleransi, berdisiplin dan bahagia. Justeru itu, sekolah adalah tempat bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik, iaitu yang mempunyai sikap serta menghayati nilai-nilai hidup berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara.

Tugas Dan Peranan Guru Kokurikulum

Menurut Bahagian Perancangan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia (1980) setiap kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang guru penasihat dan guru penasihat ini biasanya terdiri daripada guru-guru sekolah tersebut.

Menurut Buku Panduan Unit Kokurikulum , Sektor Pengurusan Kemanusiaan tugas-tugas seorang penasihat kokurikulum merangkumi

1. Merancang takwim kegiatan kokurikulum
2. Merancang anggaran belanjawan mengurus Kelab & Persatuan, Unit Beruniform, Sukan & Permainan.
3. Mengurus dan pemilihan peserta untuk kegiatan kokurikulum
4. Merancang aktiviti kokurikulum
5. Menyelaras aktiviti kokurikulum di dalam dan di luar sekolah
6. Menyediakan dan mengemaskini data-data penyertaan pelajar

7. Merekod kejayaan yang dicapai oleh pelajar dan unit kokurikulum
8. Membuat penilaian dalam buku rekod kokurikulum

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah suatu penyelidikan di mana teknik dan kaedah digunakan untuk memperolehi maklumat yang diperlukan. Dalam menjalankan kajian terdapat pelbagai reka bentuk yang boleh digunakan di mana setiap cara atau kaedah masing-masing mempunyai ciri-ciri khusus seperti teknik, reka bentuk dan analisis data yang tersendiri (Mohd. Najib, 1999).

Oleh itu kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui kemahiran guru terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah kebangsaan di Negeri Johor. Penyelidik menggunakan kajian bentuk deskriptif iaitu satu tinjauan secara soalselidik di mana ianya bermatlamat untuk mendapatkan sesuatu yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku. Kaedah kajian ini merupakan kaedah sosial yang sering digunakan secara meluas. Dalam kajian deskriptif penyelidik tidak memanipulasi sebarang faktor atau fenomena yang akan mempengaruhi tingkahlaku subjek atau pencapaiannya (McMiller 1996). Menurut kenyataan Mokhtar Mokri (1999) penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk meneroka suatu bidang yang belum atau kurang dikaji bagi menjelaskan fenomena atau keadaan yang sedang berlaku.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua guru yang menjadi guru pembimbing kegiatan kokurikulum sekolah di negeri Johor. Semua guru di sekolah-sekolah tersebut wajib menjadi guru pembimbing kegiatan kokurikulum sekurang-kurangnya satu kegiatan kokurikulum. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru di 17 buah sekolah yang dipilih secara kelompok atas kelompok. Bilangan guru-guru adalah seramai 440 orang. Jadual bilangan guru bagi 17 sekolah adalah seperti berikut.

Jadual 1 Senarai nama Sekolah Kebangsaan yang dikaji dan bilangan guru

Bil	Nama Sekolah	Jumlah		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	SK Sri Amar, Johor Bahru	10	30	40
2	SK Desa Cemerlang, Johor Bahru	16	17	33
3	SK Indrapura 2, Kulai	8	17	25
4	SK Senai, Kulai	7	19	26
5	SK Parit Setongkat, Muar	15	22	37
6	SK (P) Bandar Tangkak, Muar	9	12	21
7	SK Bukit Lintang, Kota Tinggi	12	24	36
8	SK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi	8	13	21
9	SK Sri Lalang, Kluang	11	22	33
10	SK Bandar Rengam, Kluang	11	12	23
11	SK Tengku Mahmood, Pontian	6	19	25
12	SK Sungai Bunyi, Pontian	12	11	23
13	SK Bandar Mersing, Mersing	5	25	30
14	SK Tambang Batu 6, Segamat	4	6	10
15	SK LKTP. Tenang, Segamat	10	12	22
16	SK Seri Bertam, Batu Pahat	7	8	15
17	SK Sungai Suloh, Batu Pahat	8	12	20

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada responden. Satu set soal selidik telah direkabentuk dan diubahsuai oleh penyelidik untuk penyesuaian. Ini adalah satu usaha bertujuan untuk mengumpul data atau maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan.

Menurut Mohd. Najib (1997), data yang diperolehi daripada responden adalah tepat kerana mereka merasa lebih selamat untuk memberikan jawapan kepada soal selidik yang tidak memerlukan mereka menulis nama sendiri serta segala yang sulit dirahsiakan oleh penyelidik.

Tuckman (1978) menyatakan bahawa kaedah soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyuarakan pendapat, pandangan dan membuat penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang dijawab.

Menurut Ee Ah Meng (1989) soal selidik mempunyai kebaikan iaitu;

- i. Soal selidik boleh digunakan dalam satu kumpulan yang ramai dan maklumat daripada mereka boleh dikutip sekaligus
- ii. Dapat menjimatkan masa dan tenaga
- iii. Tidak memerlukan ramai tenaga untuk mengendalikan sesi ini
- iv. Soal selidik boleh dicuba dahulu untuk menentukan samada responden dapat menjawab dengan jelas.

Soal selidik dibahagi kepada 2 bahagian

1. Bahagian A

Memberi maklumat diri responden iaitu jantina, umur, bangsa, kelulusan akademik dan Guru Penasihat kokurikulum

2. Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 45 item soalan mengenai tahap komitmen, tahap pengetahuan, tahap kemahiran merancang, melaksana, membimbing kegiatan kokurikulum dan membuat penilaian pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik dalam kajian ini ialah Skala Likert. Skala Likert digunakan dalam satu set senarai kenyataan yang berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu perkara (Mohd.Majid, 1990)

Jadual 2 Penggunaan Skala Likert

Skala Likert	Pengkelasan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Analisis bahagian A

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan latar belakang responden. Hasil analisis yang dibuat adalah seperti berikut:

Jadual 3 Taburan Responden Mengikut Sekolah Dan Jantina

Bil	Nama Sekolah	Jantina				Jumlah	
		Lelaki		Perempuan		Bil	Peratus
		Bil	Peratus	Bil	Peratus		
1	SK Sri Amar, Johor Bahru	10	7.4	30	11.3	40	10.0
2	SK Desa Cemerlang, Johor Bahru	16	11.8	17	6.4	33	8.2
3	SK Indrapura 2, Kulai	8	5.9	17	6.4	25	6.2
4	SK Senai, Kulai	7	5.1	19	7.1	26	6.5
5	SK Parit Setongkat, Muar	12	8.8	19	7.1	31	7.7
6	SK (P) Bandar Tangkak, Muar	8	5.9	12	4.5	20	5.0
7	SK Bukit Lintang, Kota Tinggi	9	6.6	19	7.1	28	7.0
8	SK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi	8	5.9	13	4.9	21	5.2
9	SK Sri Lalang, Kluang	6	4.4	22	8.3	28	7.0
10	SK Bandar Rengam, Kluang	6	4.4	9	3.4	15	3.7
11	SK Tengku Mahmood, Pontian	6	4.4	19	7.1	25	6.2
12	SK Sungai Bunyi, Pontian	12	8.8	11	4.1	23	5.7
13	SK Bandar Mersing, Mersing	5	3.7	25	9.4	30	7.5
14	SK Tambang Batu 6, Segamat	4	2.9	6	2.3	10	2.5
15	SK LKTP. Tenang, Segamat	10	7.4	12	4.5	22	5.5
16	SK Seri Bertam, Batu Pahat	5	3.7	7	2.6	12	3.0
17	SK Sungai Suloh, Batu Pahat	4	2.9	9	3.4	13	3.2
JUMLAH		136	33.8	266	66.2	402	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut sekolah dan jantina. Berdasarkan kepada jadual, didapati seramai 10 orang (7.4 peratus) responden lelaki dari SK Sri Amar, Johor Bahru dan SK LKTP Tenang, Segamat manakala responden perempuan bagi Sk Sri Amar, Johor Bahru seramai 30 orang (11.3 peratus) dan SK LKTP Tenang, Segamat 22 orang (5.5 peratus). Responden lelaki SK Parit Setongkat, Muar dan SK Sungai Bunyi, Pontian seramai 12 orang (8.8 peratus), responden perempuan bagi SK Parit Setongkat seramai 19 (7.1 peratus) dan SK Sungai Bunyi, seramai 11 orang (4.1 peratus).

Taburan responden lelaki di SK Desa Cemerlang, Johor Bahru seramai 16 (11 peratus) dan responden perempuan seramai 17 orang (6.4 peratus), responden lelaki di SK Indrapura 2, SK Taman Kota Jaya, SK (P) Bandar Tangkak, seramai 8 orang (5.9 peratus) dan responden perempuan seramai 17 orang (6.4 peratus) di SK Indrapura 2, seramai 12 orang (4.5 peratus), di SK (P) Bandar Tangkak dan 13 orang (4.9 peratus) di SK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi.

Jadual taburan turut menunjukkan responden lelaki SK Senai, Kulai seramai 7 orang (5.1 peratus) dan responden perempuan seramai 19 orang (7.1 peratus). Responden lelaki di SK Bukit Lintang, Kota Tinggi seramai 9 orang (6.6 peratus) dan responden perempuan seramai 19 orang (7.1 peratus). Manakala responden lelaki di SK Seri Lalang, Kluang, SK Bandar Rengam, Kluang, SK Tengku Mahmood, Pontian seramai 6 orang (4.4 peratus) dan responden perempuan seramai 22 orang (8.3 peratus) di SK Seri Lalang, 9 orang (3.4 peratus) di SK Bandar Rengam, Kluang, dan 19 orang (7.1 peratus) di SK Tengku Mahmood, Pontian.

Tahap kemahiran guru membimbing pelajar dalam aktiviti kokurikulum

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan dan min bagi kemahiran membimbing pelajar terhadap pengurusan aktiviti kokurikulum.

Jadual 4 Analisis Tahap kemahiran membimbing terhadap pengurusan kokurikulum

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
26	Pelajar yang lemah dalam aktiviti kokurikulum disingkirkan daripada pasukan	0.7	9.7	9.0	44.3	36.3	4.05
27	Guru perlu mengajar kemahiran sehingga pelajar mahir walaupun tidak dapat menghabiskan sukatan pada tahun itu	1.2	17.9	15.2	15.2	9.0	3.54
28	Saya menyenaraikan kemahiran yang belum dikuasai oleh pelajar saya	0.2	5.0	13.4	13.4	8.5	3.84
29	Setiap kali perjumpaan ketua pasukan pelajar akan mengambil kedatangan pelajar tanpa disuruh lagi	2.2	11.4	10.0	10.0	13.4	3.73
30	Pelajar yang tidak mengikut peraturan aktiviti perkhemahan akan disusun balik	4.0	18.9	10.9	48.0	18.2	3.57
Min keseluruhan							3.75

Analisis data mendapati item nombor 26 "Pelajar yang lemah dalam aktiviti kokurikulum disingkirkan daripada pasukan" mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.05 dengan 36.3 peratus sangat setuju, 44.3 peratus setuju, 9.0 peratus tidak pasti, 9.7 peratus tidak setuju dan 0.7 peratus sangat tidak setuju.

Min kedua tertinggi ialah pernyataan item 28 "Saya menyenaraikan kemahiran yang belum dikuasai oleh pelajar saya" dengan nilai min 3.84. Seramai 8.5 peratus responden menyatakan sangat setuju, 72.9 peratus setuju, 13.4 peratus tidak pasti, 5.0 peratus tidak setuju dan 0.2 peratus sangat tidak setuju.

Pernyataan nilai min yang paling rendah adalah item 27 "Guru perlu mengajar kemahiran sehingga pelajar mahir walaupun tidak dapat menghabiskan sukatan pada tahun itu" dengan nilai min 3.54. Sebanyak 9.0 peratus responden menyatakan sangat setuju, 56.7 peratus setuju, 15.2 peratus tidak pasti, 17.9 peratus tidak setuju dan 1.2 peratus sangat tidak setuju.

Kajian mendapati bahawa skor min keseluruhan bagi kemahiran guru membimbing pelajar dalam pengurusan aktiviti kokurikulum ialah 3.75. Ini menunjukkan bahawa kemahiran membimbing pelajar dalam pengurusan aktiviti kokurikulum juga berada di tahap tinggi.

Tahap Kemahiran Guru Melaksana Aktiviti Kokurikulum

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan dan min bagi kemahiran melaksanakan pengurusan aktiviti kokurikulum.

Jadual 5 Analisis Tahap Guru Melaksanakan Kokurikulum

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
31	Pelajar perlu mempunyai kebenaran ibu bapa untuk menyertai aktiviti kokurikulum di luar kawasan sekolah	0.5	0.2	2.2	28.9	68.2	4.63
32	Saya member amaran dan hukuman jika pelajar saya ponteng aktiviti	0.7	8.2	7.2	63.2	20.6	3.94

	kokurikulum						
33	Aktiviti kokurikulum mestilah menyeronokkan pada pelajar	0	0.5	1.2	48.8	49.5	4.47
34	Pelajar diberi peluang untuk membuat rak buku mengikut keupayaan mereka	0.7	5.5	13.7	63.9	16.2	3.89
35	Saya mementingkan ketepatan masa	0	0.2	5.0	57.2	37.6	4.32
36	Saya berkongsi pengalaman saya tentang aktiviti kokurikulum yang saya ceburi dengan pelajar	0.5	2.0	4.7	57.7	35.1	4.24
37	Saya merekod kehadiran pelajar setiap kali perjumpaan	0	0	3.7	53.0	43.3	4.39
38	Saya biarkan pelajar-pelajar saya buat kerja sendiri semasa aktiviti kokurikulum	0	2.5	6.0	71.6	19.9	4.08
39	Saya pastikan pelajar saya tahu undang-undang permainan	0	0.5	4.0	67.9	27.4	4.22
KESELURUHAN MIN							4.24

Analisis data mendapati item nombor 33 " Pelajar perlu mempunyai kebenaran ibubapa untuk menyertai aktiviti kokurikulum di luar kawasan sekolah" mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.63 dengan 68.2 peratus sangat setuju, 28.9 peratus setuju, 2.2 peratus tidak pasti, 0.2 peratus tidak setuju 0.5 peratus sangat tidak setuju.

Min kedua tertinggi ialah pernyataan item 33 "Aktiviti kokurikulum mestilah menyeronokkan pada pelajar" dengan nilai min 4.47. Seramai 49.5 peratus responden menyatakan sangat setuju, 48.8 peratus setuju, 1.2 peratus tidak pasti dan 0.5 peratus tidak setuju. Tiada responden menyatakan sangat tidak setuju.

Penyataan nilai min yang paling rendah adalah item 34 "Pelajar diberi peluang untuk membuat rak buku mengikut keupayaan mereka" dengan nilai min 3.89. Sebanyak 16.2 peratus responden menyatakan sangat setuju, 63.9 peratus setuju, 13.7 peratus tidak pasti, 5.5 peratus tidak setuju dan 0.7 peratus sangat tidak setuju.

Kesimpulannya didapati skor min keseluruhan bagi kemahiran guru melaksana dalam pengurusan aktiviti kokurikulum ialah 4.24. Ini menunjukkan bahawa kemahiran melaksana dalam pengurusan aktiviti kokurikulum juga berada di tahap tinggi

Tahap Kemahiran Guru Membuat Penilaian Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut peratusan dan min bagi kemahiran membuat penilaian terhadap pelajar dalam pengurusan aktiviti kokurikulum.

Jadual 6 Analisis Tahap Guru Membuat Penilaian Terhadap Pengurusan Kokurikulum

Bil	Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
40	Laporan bertulis mesti dibuat pada setiap perjumpaan aktiviti kokurikulum	0	2.2	4.0	62.9	30.8	4.22
41	Saya akan sentiasa merekod pencapaian pelajar	0	1.2	15.4	67.9	15.4	3.97
42	Pelajar-pelajar saya berjaya membuat folio	0.2	4.5	24.6	61.9	8.7	3.74

	dalam aktiviti kokurikulum						
43	Pelajar-pelajar saya suka dan berpuas hati dengan aktiviti kokurikulum yang saya rancang	0	0.5	16.2	70.4	12.9	3.95
44	Pelajar yang hadir 100% dalam aktiviti kokurikulum sepanjang tahun akan diberi sijil penghargaan dan hadiah	1.0	3.2	10.4	50.7	34.6	4.14
45	Saya merekodkan pencapaian pelajar dalam buku kokurikulum	0.2	1.2	9.7	65.4	23.4	4.10
Keseluruhan Min							4.02

Analisis data mendapati item nombor 40 "Laporan bertulis mesti dibuat pada setiap perjumpaan aktiviti kokurikulum" mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.22 dengan 30.8 peratus sangat setuju, 62.9 peratus setuju, 4.0 peratus tidak pasti dan 2.2 peratus tidak setuju .

Min kedua tertinggi ialah pernyataan item 44 "Pelajar yang hadir 100% dalam aktiviti kokurikulum sepanjang tahun akan diberi sijil penghargaan dan hadiah" dengan nilai min 4.14. Seramai 34.6 peratus responden menyatakan sangat setuju, 50.7 peratus setuju, 10.4 peratus tidak pasti 3.2 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus sangat tidak setuju.

Pernyataan nilai min yang paling rendah adalah item 42 "Pelajar-pelajar saya berjaya membuat folio dalam aktiviti kokurikulum" dengan nilai min 3.74. Sebanyak 8.7 peratus responden menyatakan sangat setuju, 61.9 peratus setuju, 24.6 peratus tidak pasti, 4.5 peratus tidak setuju dan 0.2 peratus sangat tidak setuju.

Kesimpulannya didapati skor min keseluruhan bagi kemahiran guru membuat penilaian dalam pengurusan kokurikulum ialah 4.02. Ini menunjukkan bahawa kemahiran membimbing pelajar dalam pengurusan aktiviti kokurikulum juga berada di tahap tinggi.

Perbincangan

Dalam kajian ini responden yang terlibat adalah terdiri daripada 402 orang guru dari sekolah kebangsaan di negeri Johor yang merangkumi responden lelaki seramai 136 orang (33.8 peratus) dan responden perempuan 266 orang (66.2 peratus). Responden yang paling ramai adalah dari SK Sri Amar, Johor Bahru iaitu 10 orang guru lelaki (7.4 peratus) dan 30 orang guru perempuan (11.3 peratus). Majoriti terdiri daripada bangsa melayu iaitu seramai 381 (94.78 peratus) , diikuti dengan responden bangsa Cina dan India masing-masing seramai 9 orang (2.24 peratus) dan responden lain-lain bangsa seramai 3 orang (0.74 peratus).

Seramai 269 orang responden (66.91 peratus) adalah berkelulusan Sijil perguruan atau Diploma perguruan ,131 orang (32.59 peratus) berkelulusan ijazah dan 2 orang (0.5 peratus) memiliki kelulusan Sarjana.

Dapatan kajian mendapati nilai korelasi r , bagi faktor kemahiran membimbing, melaksana dan membuat penilaian dengan komitmen guru adalah 0.269* untuk membimbing, diikuti 0.367* untuk melaksana dan 0.387* untuk membuat penilaian terhadap pelajar.

Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara kemahiran membimbing, melaksana dan membuat penilaian dan komitmen guru tetapi kekuatan perkaitan antara kedua ini berada ditahap yang lemah.

Merujuk hasil perbincangan dalam data mengenalpasti tahap kemahiran, min pada kemahiran merancang adalah 3.82, membimbing 3.75 dan membuat penilaian 4.02 berada pada tahap tinggi. Ini bermakna secara keseluruhannya, kebanyakan responden mempunyai tahap

merancang, membimbing dan membuat penilaian pelajar yang tinggi. Namun daripada data korelasi menunjukkan terdapat kaitan antara kemahiran-kemahiran ini dengan komitmen tetapi kekuatannya adalah di tahap yang lemah.

Guru-guru penasihat kokurikulum perlu berperanan sebagai pembimbing pelajar dimana guru-guru harus membimbing pelajar-pelajar mereka ke arah kejayaan secara berterusan. Para pelajar amat memerlukan guru yang baik dan cekap sebagai pembimbing yang dapat meningkatkan kualiti serta membawa kepada kejayaan mereka. Untuk menjadi pembimbing yang baik guru perlu memiliki sifatsifat seperti kesabaran, kesungguhan serta semangat membantu untuk memajukan pelajar-pelajar tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran. Guru yang baik dapat memberi inspirasi, motivasi dan membimbing pelajar kearah kejayaan (Abd.Rahim, 1999). Komitmen guru-guru seperti ini amat diperlukan jika Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mahukan individu dikembangkan secara bersepadu dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmonis supaya mereka berilmu, berpengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara di realisasikan.

Begitu juga guru perlu melaksana aktiviti-aktiviti kokurikulum yang telah dirancang. Mekanisma koordinasi dan menstukturkan organisasi dengan membina method atau kaedah serta membuat prosedur agar aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur. Jika guru-guru penasihat kokurikulum dapat melaksanakan program kokurikulum dengan baik, tahap keyakinan diri dan komitmen mereka juga akan berada ditahap tinggi.

Dapatan kajian mendapati nilai korelasi r , bagi faktor kemahiran merancang dengan komitmen guru adalah 0.470*. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara kemahiran merancang dan komitmen guru dengan kekuatan perkaitan ditahap sederhana dan mempunyai kaitan yang kuat. Ini menunjukkan jika guru mempunyai kemahiran merancang yang baik, mereka akan memberi komitmen terhadap pengurusan aktiviti kokurikulum.

Rujukan

- Azizah Nordin (1991). *Kokurikulum dan Sumbangan Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh*. Jurnal Pendidikan Guru. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Perancangan Penyelidikan Pelajaran Kementerian Pelajaran
- Malaysia(1980). *Pelajaran di Malaysia 1978*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1991) *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu* . Kuala Lumpur :Fajar Bakti.
- Gholson (1993) .*Studying Cuurriculum* . Buckingham,: Open University Press
- Hendry (1983). *Raising Good Children*. New York: Bantam
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) . *Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah* .Kuala Lumpur : Kementerian Malaysia.
- Mohd. Najib bin Abd.Ghaffar (1999) *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Noor bin Che Noh (1985). *Beberapa Pertimbangan Dalam Pengelolaan dan Pentadbiran Program Kokurikulum Sekolah*. Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia.Jilid 29
- Sharifah Alawiyah Al Sagoff (1983). *Ilmu Pendidikan Pedagogi* . Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Tuckman,Bruce.W (1978). *Conduecting Educational Research*. New York: Haacourt Brace,Jovanovick.

- Vasudevant, T.A., (1984). *Youth Activities Through Leisure, Sports and Cocurricular Programmes from a National Perspective*. Kertas Kerja Alam Seminar Adolescence Development-Universiti Pertanian Malaysia.
- Vasudevant, T.A., (1987). “ *Kegiatan Kokurikulum Penyeliaan dan Pentadbiran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Wan Mohd. Zahid (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wee Eng Hoe (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum (Sukan)*. Kepong: Print Pack Sdn.Bhd.